

Sadd al-Dharā'i’ Dalam Memelihara Agama dan Kaitannya Dengan Asas Keharmonian Hubungan Etnik

WAN ZULKIFLI WAN HASSAN

ABSTRACT

Sadd al-Dharā'i’‘ is unanimously accepted as one of the tools in protecting the values of Islam. The issue is, will practicing Sadd al-Dharā'i’ interfere the multi-ethnic harmony and the freedom of practicing other religions in our society. Furthermore will it cause any inconvenience to other religions' believers. This paper for the matter, will be an exploratory study on the legality of utilizing one of the usul fiqh's evidences that is, Sadd al-Dharā'i’ as a source of hukm (legal rule) in a multi-races society. To achieve this, a deep understanding of the Sadd al-Dharā'i’‘ is crucial especially to ensure sanctity of our religion is secured without having to forsake our harmonious multi-ethnic and multi-religious relationship.


PENGENALAN

Antara pendekatan yang diambil oleh Islam dalam memelihara agama ialah *Sadd al-Dharā'i’* sebagai langkah pengawalan serta penjagaan agar setiap tindakan dan amalan kita tidak menyebabkan berlaku kehancuran dan kerosakan (*mafsadah*).¹

Oleh itu, kaedah ini perlu diserapkan dan diterima pakai dalam sesebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik agar sistem pentadbiran dan pemerintahan negara dapat dilaksanakan dengan lancar dan teguh tanpa ada gangguan dan kekacauan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.²

Adakah pendekatan-pendekatan tersebut menggambarkan Islam tidak mempunyai unsur-unsur harmoni dan toleransi terhadap pelbagai etnik dan agama. Justeru kajian ini akan menjawab persoalan ini agar tidak timbul keraguan dan kekeliruan terhadap agama Islam. Ia juga akan mengupas mengenai definisi *Sadd al-Dharā'i’* dan aplikasinya dalam memelihara agama. Kemudian meneliti kaitan aplikasi tersebut terhadap asas keharmonian hubungan etnik.





DEFINISI SADD AL-DHARAI'

Pengertian *Sadd al-Dharâ'i* dapat dilihat dari dua sudut, iaitu dari sudut bahasa dan dari sudut istilah.

a. Pengertiannya Dari Sudut Bahasa

Sadd al-Dharâ'i adalah terdiri dari dua perkataan iaitu *Sadd* dan *al-Dharâ'i*. Dalam bahasa Arab, *Sadd* bermaksud menutup, menegah, menghalang, menyekat ataupun menyumbat.³ Dalam al-Qur'an, perkataan *Sadd* disebut pada tiga tempat dalam dua ayat al-Qur'an, iaitu firman Allah s.w.t:

“....oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah
bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan
syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan
mereka”.
Terjemahan Surah al-Kahfi (18): 94


Dan firman Allah s.w.t lagi:

“Dan Kami jadikan (sifat tamak dan gila mereka kepada harta
benda dan pangkat itu sebagai) sekatan (yang menghalang
mereka daripada memandang kepada keburukan dan
kesingkatan masa dunia yang ada) di hadapan mereka, dan
sekatan (yang menghalang mereka daripada memikirkan azab
yang ada) di belakang mereka (pada hari kiamat). Lalu Kami
tutup pandangan mereka; maka dengan itu, mereka tidak
dapat melihat (jalan yang benar)”.
Terjemahan Surah Yasin (36): 9

Berpandukan kepada dua ayat di atas, dapat difahami bahawa perkataan *Sadd* bermaksud sesuatu yang boleh menghalang, menyekat, menutup, menahan, membendung dan seumpamanya.

Perkataan *al-Dharâ'i* dalam bahasa Arab pula, pada asalnya bermaksud sesuatu yang tegang dan panjang serta berlaku pergerakan (*al-imtiad wa al-taharruk*). Ini kerana perkataan *al-Dharâ'i* berasal dari perkataan (*dhara'a*) yang bermaksud menegang dan memanjang serta berlaku pergerakan.⁴

Dengan ini, setiap pecahan dari perkataan ini adalah merujuk kepada pengertian asal itu. Sebagai contoh, perkataan (*al-dhira'*) ialah anggota yang memanjang dari bahagian siku ke bahagian jari tengah iaitu yang dikenali sebagai lengan. Selain itu apabila dikatakan; (*dhra'a al-rajul fi sibahahtih*



tadhri'i'an), ia bermaksud lelaki itu meluaskan dan memanjangkan lengannya apabila berenang. Apabila disebut (*al-tadhri'fi al-masyi*), maka ianya memberi maksud, berlaku pergerakan pada kedua lengannya apabila berjalan. Begitulah juga penggunaannya dalam ayat-ayat yang lain.

Selain itu, berpandukan kepada penggunaan asal perkataan (*dhara'a*), ia juga dapat dipakai dalam beberapa maksud, di antaranya bermaksud sebab (*al-sabab*), jalan yang boleh mendekatkan kepada yang lain (*al-wasilah*), alat yang digunakan oleh pemburu untuk mengelirukan buruannya iaitu perangkap (*al-naqah*), lingkaran yang digunakan oleh pemburu bagi memerangkap binatang buruannya (*al-halaqah*).⁵

Al-Dhara'i membawa maksud memanjangkan sesuatu dan berlaku pergerakan ke hadapan bagi mencapai sesuatu.⁶ Ibn al-Qayyim menegaskan bahawa setiap objektif yang hendak dicapai oleh seseorang tidak akan berhasil kecuali melalui *al-Dhara'i* (sebab, jalan atau cara) yang mestilah dilakukannya terlebih dahulu.⁷

b. Pengertiannya Dari Sudut Istilah

Dalam perundangan Islam terdapat dua aspek *al-Dharâ'i* yang dibenarkan, iaitu *Fath al-Dharâ'i* dan *Sadd al-Dharâ'i*. *Fath al-Dharâ'i* bererti melaksanakan beberapa cara yang boleh mencapai kebaikan. Manakala *Sadd al-Dharâ'i* pula bererti mengelak daripada melakukan sebarang cara yang mempunyai unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan.⁸


Dalam pada itu, terdapat pelbagai pengertian yang dikemukakan oleh ulama dalam mentakrifkan *Sadd al-Dharâ'i*. Menurut al-Qurtubi, *Sadd al-Dharâ'i* ialah perkara yang pada asalnya tidak ditegah melakukannya, namun sekiranya ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan, maka ia ditegah dari melakukannya.⁹

Al-Syatibi pula berpendapat bahawa *Sadd al-Dharâ'i* ialah menggunakan jalan *maslahah* (kebaikan) sebagai cara untuk mendatangkan *mafsadah* (kerosakan).¹⁰ Selain itu, menurut Muhammad Hisyam al-Burhani, *Sadd al-Dharâ'i* ialah suatu perkara yang tidak ditegah pada asalnya, tetapi ia ditegah jika terdapat tohmah (unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan dan keburukan).¹¹

Selain itu, al-Qarafi pernah menegaskan bahawa *Sadd al-Dharâ'i* ialah langkah pencegahan yang wajib dilakukan terhadap *al-Dharâ'i* yang mendorong ke arah kerosakan. Keadaan ini berbeza sekiranya *al-Dharâ'i* mendorong ke arah kebaikan kerana ia dinamakan sebagai *Fath al-Dharâ'i* yang wajib diberi peluang.¹²

Berpandukan kepada pandangan serta teori yang dikemukakan oleh beberapa orang ulama berkenaan pentakrifan *Sadd al-Dharâ'i*, dapatlah





dibuat kesimpulan bahawa *al-Dharā'i'* yang dilihat dari sudut ini terbahagi kepada empat situasi:¹³

- i. Ia diharuskan jika mempunyai ciri-ciri kebaikan yang dibenarkan oleh Syarak dan boleh mendorong ke arah kebaikan.¹⁴
- ii. Ia diharamkan jika mempunyai ciri-ciri kerosakan yang diharamkan oleh Syarak dan boleh mendorong ke arah kerosakan.¹⁵
- iii. Ia diharamkan jika mempunyai ciri-ciri kerosakan yang diharamkan sekalipun boleh mendorong ke arah kebaikan.¹⁶
- iv. Ia perlu dilihat dari beberapa sudut yang dikemukakan oleh ulama dalam menentukan hukumnya sekiranya mempunyai ciri-ciri kebaikan yang diharuskan tetapi mendorong ke arah kerosakan yang diharamkan.¹⁷

Penjelasan di atas ternyata pengertian *Sadd al-Dharā'i'* ialah menutup, menghalang, menyekat, memotong jalan-jalan atau punca-punca serta perbuatan yang boleh membawa kepada kejahanatan dan kerosakan. Walaupun pada asalnya jalan-jalan atau punca-punca perbuatan itu diharuskan, tetapi apabila didapati ia membawa kepada kejahanatan dan kerosakan, maka ia diharamkan dan ditegah.




APLIKASI SADD AL-DHARA'I' DALAM MEMELIHARA AGAMA MELALUI AL-QURAN DAN HADITH

a. Aplikasinya Melalui *al-Quran*

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menunjukkan bahawa Allah s.w.t mengingatkan umat Islam agar mereka berhati-hati dan jangan mudah terpengaruh dan terjebak dalam perkara yang boleh membawa mereka kepada kesesatan dan kekufuran. Antaranya, Allah s.w.t melarang umat Islam agar tidak berada di dalam majlis orang-orang kafir yang membincangkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada kesesatan dan kekufuran.¹⁸ Firman Allah s.w.t:

"Dan sesungguhnya Allah telahpun menurunkan kepada kamu (perintahNya) di dalam Kitab (al-Quran), iaitu: apabila kamu mendengar ayat-ayat keterangan Allah diingkari dan diejek-ejek (oleh kaum kafir dan munafik), maka janganlah kamu duduk (bergaul) dengan mereka, sehingga mereka masuk





kepada memperkatakan soal yang lain. Kerana sesungguhnya (jika kamu melakukan yang demikian), tentulah kamu sama seperti mereka....”

Terjemahan Surah al-Nisa' (4):140

Begitu juga, Allah s.w.t melarang umat Islam supaya tidak tinggal menetap di negeri yang dikuasai oleh orang yang musyrik dan kafir yang tidak membenarkan umat Islam mengamalkan syiar Islam. Ini adalah kerana, dengan mereka tinggal dan menetap di situ akan menyebabkan berlaku hubungan yang erat di antara umat Islam dengan orang-orang yang musyrik dan kafir dan ia boleh memberi kesan terhadap perjalanan hidup dan akidah umat Islam.¹⁹ Perkara ini dijelaskan di dalam firman Allah s.w.t:


“Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata; “Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?”. Mereka menjawab; “Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi”. Malaikat bertanya lagi; “Tidakkah bumi itu luas yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya”. Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali; kecuali orang-orang yang lemah (lagi uzur) dari kaum lelaki dan wanita serta kanak-kanak yang tidak terdaya upaya mencari helah dan tidak pula mengetahui sesuatu jalan (untuk berhijrah).”

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 97-98

Berpandukan kepada dua ayat al-Quran di atas, jelas menunjukkan bahawa di antara kaedah yang digunakan oleh al-Quran dalam usaha membendung perkara yang boleh membawa kepada kesesatan dan kekufuran ialah dengan menggunakan doktrin *Sadd al-Dharā'i*.

b. Aplikasinya Melalui Hadis Rasulullah s.a.w

Di dalam hadis terdapat banyak saranan Rasulullah s.a.w agar umat Islam berhati-hati terhadap setiap amalan yang mereka kerjakan kerana dibimbangi terjebak ke dalam perkara yang boleh menyesatkan dan membawa kepada kekufuran.



Antara perkara yang dititikberatkan oleh Rasulullah s.a.w ialah melarang umat Islam daripada meniru sikap golongan yang kufurkan Allah s.w.t walaupun dalam keadaan zahir sahaja. Ini kerana, ia boleh menjadi punca kepada berlakunya perkara yang lebih buruk dari sudut niat dan amalan mereka. Dalam pada itu, sekiranya perkara tersebut dilakukan sehingga menjadi adat, maka ianya boleh membawa mereka kepada kekufturan kerana mengikut perkara yang sama sebagaimana apa yang dilakukan oleh golongan yang kufurkan Allah s.w.t.²⁰ Kenyataan ini ditegaskan di dalam hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud:²¹

“Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia di kalangan mereka”.


Rasulullah s.a.w melarang umat Islam supaya jangan menetap atau tinggal di dalam negeri yang dikuasai oleh golongan musyrikin yang tidak membenarkan syiar Islam diamalkan kerana dengan berbuat demikian boleh membawa mereka kepada kerosakan agama dan akidah mereka sendiri.²² Perkara tersebut dijelaskan di dalam sabda Baginda s.a.w yang bermaksud:²³

“Jangan kamu tinggal bersama-sama golongan musyrikin dan berkumpul dengan mereka. Sesiapa yang tinggal bersama-sama mereka dan berkumpul dengan mereka, maka dia menyerupai mereka”.

Berpandukan kepada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa di antara kaedah yang diterimakan dalam usaha membendung gejala dan ajaran yang boleh menyesatkan dan memesongkan akidah ialah doktrin *Sadd al-Dharā'i'* dengan mengenal pasti punca dan sebab terjadinya gejala tersebut.

KAITAN APLIKASI SADD AL-DHARA'I' DALAM MEMELIHARA AGAMA DENGAN ASAS KEHARMORNIAN HUBUNGAN ETNIK

Wajib bagi masyarakat Islam mempertahankan dan memelihara Islam dari anasir-anasir kekufturan samada ia datang dari luaran maupun dalaman. Justeru berkewajipan ke atas pemerintah menggunakan pelbagai cara untuk mempertahankan dan memartabatkan agama Islam. Antara pendekatan yang perlu diambil ialah sebagaimana yang dijelaskan dalam aplikasi *Sadd al-Dharā'i'* di atas.



Namun begitu, Islam sebagai agama toleransi dan mengamalkan prinsip kesederhanaan serta bertindak dengan cara berhikmah, membenarkan beberapa perkara yang boleh memupuk keharmonian hubungan etnik di kalangan masyarakat. Ini kerana, aplikasi *Sadd al-Dharā'i* di atas tidak membawa pengertian bahawa umat Islam dilarang sama sekali berinteraksi dengan mereka yang bukan Islam. Bahkan Islam menggalakkan umat Islam melakukan kebajikan dan bakti kepada mereka terutama kaum kerabat terdekat dan jiran tetangga.²⁴


Sementara itu, terdapat pelbagai jenis persaudaraan yang diperakui oleh Islam yang tidak sama dengan persaudaraan keagamaan. Ini kerana, terdapat juga persaudaraan kebangsaan, persaudaraan perkauman dan persaudaraan kemanusiaan.

Dalam pada itu, larangan agar tidak mendekati golongan yang tidak seagama sebagaimana yang dijelaskan dalam aplikasi *Sadd al-Dharā'i* di atas adalah sebagai langkah berjaga-jaga supaya umat Islam berwaspada dalam pergaulan dengan orang yang mempunyai pelbagai budaya dan agama atau dengan kata lain orang yang tidak sama dengan mereka dari sudut agama. Ini kerana, hubungan yang kerap dan intim dengan mereka boleh memberi implikaasi yang buruk terhadap perjalanan hidup dan pegangan akidah seseorang.²⁵

Bagi mencapai keharmonian hubungan etnik tidak diabaikan, Islam telah meletakkan dua syarat yang penting dalam usaha menyemai sikap toleransi dan asas keharmonian hubungan etnik tercapai di samping memelihara agama Islam. Pertama, umat Islam hendaklah menjadikan agama Islam tinggi dan agama lain tidak boleh mengatasinya di samping memahami konsep kebebasan beragama dan kedua ialah umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada dan jangan membiarkan agama lain menyebarkan dakyah dan agama mereka kepada umat Islam.²⁶

Selain itu, Allah s.w.t mlarang umatnya mendekati dan menjalinkan hubungan intim dengan orang kafir sebagaimana yang dijelaskan dalam aplikasi *Sadd al-Dharā'i* di atas adalah kerana syarat untuk mengadakan hubungan dengan mereka tidak memenuhi dua syarat di atas. Jika dua syarat tersebut dipatuhi, Islam tidak mlarang umatnya menjalinkan hubungan dengan mereka.

Saidina Umar ibn al-Khattab pernah menunjukkan beberapa prinsip toleransi dan asas-asas keharmonian hubungan etnik dan agama dalam sejarah pemerintahannya. Beliau telah mengadakan hubungan baik dengan orang-orang Kristian di Syam ketika itu dan memberi hak sebagai rakyat negara itu. Tindakan yang dilakukan oleh Saidina Umar di atas adalah bertepatan dengan konsep keadilan di dalam Islam. Ini kerana, berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka menepati dengan kehendak yang terkandung di dalam al-Quran yang bermaksud:



“Allah tidak menegah kamu dari berbuat baik dan berlaku adil kepada mereka yang tidak memerangi kamu dan mengusir kamu dari kampung halaman kamu”.

Terjemahan Surah al-Mumtahanah (60): 8


Walau bagaimanapun, Saidina Umar meletakkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh penganut Kristian demi menjaga hubungan baik dengan orang Islam. Di antara syarat-syarat yang dikemukakan oleh Saidina Umar kepada penganut Kristian di Syam ialah:²⁷

- * Penganut agama Kristian tidak dibenarkan menghalang orang Islam yang bermusafir singgah di gereja mereka.
- * Sepanjang peninggahan orang Islam yang bermusafir di gereja mereka, mereka hendaklah menyediakan makanan selama 3 hari.
- * Mereka tidak dibenarkan menyembunyikan tipu daya mereka terhadap orang Islam
- * Mereka hendaklah menghormati orang Islam dan membenarkan orang Islam berada di dalam majlis mereka jika mereka (orang Islam) mahu.
- * Mereka tidak boleh meninggikan suara dengan bacaan-bacaan agama mereka di gereja ketika kehadiran orang Islam.
- * Mereka hendaklah sentiasa berpakaian segak.
- * Mereka tidak dibenarkan memukul orang Islam.

Ini beberapa syarat yang disarankan oleh Saidina Umar kepada penganut Kristian agar hubungan baik di antara umat Islam dan bukan Islam dapat diteruskan dan berada dalam keadaan harmoni dan tenteram.

Islam meletakkan dasar bahawa persefahaman dan toleransi dalam hubungan etnik adalah sebahagian aqidah sebagaimana ibdadat-ibadat yang lain. Ini kerana manusia dijadikan oleh Allah s.w.t untuk saling memenuhi keperluan hidup, persefahaman dan toleransi sesama manusia. Ia berpandukan kepada ayat al-Quran yang dinyatakan dalam surah al-Hujurat ayat ke-13.²⁸ Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu



berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu saling mengenali di antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa.

Dalam pada itu, sikap berjaga-jaga atau langkah pengawalan yang diambil oleh Islam dalam memelihara agama bukan hanya melibatkan hubungan intim dengan orang bukan Islam bahkan pendekatan itu juga perlu diambil jika berhadapan dengan orang Islam yang melakukan perbuatan yang melanggar prinsip dan etika Islam. Ini boleh dilihat dalam kenyataan-kenyataan ulama di bawah.

Sebagai contoh pendekatan yang dilakukan oleh Hasan al-Basri yang menyarankan umat Islam agar tidak bergaul dengan golongan yang mengikut hawa nafsu (sekalipun mereka beragama Islam) dalam usaha memelihara agama. Saranan beliau boleh dilihat dalam kenyataan di bawah yang bermaksud:²⁹

“Janganlah engkau bergaul dengan orang yang mengikut hawa nafsu, kerana akan dicampakkan ke dalam hati engkau, sesuatu yang apabila engkau turuti kehendaknya, ianya boleh membina sakan (agamamu) atau sekiranya engkau menyalahinya, maka ia boleh melahirkan penyakit (munafik) di dalam hatimu”.


Selain itu, terdapat riwayat dari Yahya bin Kathir yang bermaksud:³⁰

“Apabila engkau bertembung dengan orang yang mempunyai ciri-ciri bid’ah pada satu jalan, maka hendaklah engkau mengambil jalan yang lain”.

Begitu juga ada satu riwayat daripada Ibrahim bin Nakhai’i menyatakan yang bermaksud:³¹

“Janganlah kamu duduk bersama-sama dengan golongan yang mengikut hawa nafsu dan janganlah kamu bercakap-cakap dengan mereka. Ini kerana ia boleh mendatangkan keimbangan terhadap penyelewengan hati-hati kamu dari agama Islam”.

Berpendukan kepada riwayat-riwayat tersebut, maka jelaslah bahawa usaha dan pendekatan yang telah dinyatakan oleh ulama adalah bertujuan menyekat dan membendung perkara-perkara yang menyebabkan mereka



terjebak ke dalam kancang kesesatan dan kekufuran. Apabila diperhatikan secara ilmiah, kenyataan-kenyataan di atas menggunakan pendekatan doktrin *Sadd al-Dharā'i'* dalam memelihara kesucian agama. Memelihara kesucian agama amat dititik beratkan sehingga Islam mengarahkan umatnya mengambil sikap berhati-hati dengan golongan yang cenderung ke arah kerosakan dari sudut agama sekalipun mereka tergolong di kalangan orang Islam sendiri.

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam mengambil prihatin terhadap hubungan etnik bahkan Islam sesuai dianuti oleh pelbagai etnik dan bangsa. Antara contoh yang dapat dilihat ialah kepelbagaian etnik dan bangsa dari kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. seperti Bilal bin Rabah berkulit hitam yang pada mulanya seorang hamba Habasyi, Suhib al-Rumi yang pada asalnya berbangsa Rom, Salman al-Farisi dari keturunan Parsi (Iran), Zayd al-Harisah dan anaknya Usamah bin Zayd. Mereka semua pada asalnya bukan dari kalangan bangsa Arab Quraisy.³²


Meskipun konsep *Sadd al-Dharā'i'* atau langkah berhati-hati umat Islam dalam beragama diamalkan, namun Islam tidak mengabaikan keharmonian hubungan etnik dan kebebasan agama lain meskipun dalam situasi peperangan. Islam melarang tenteranya dari melakukan perbuatan yang boleh membawa kepada berlakunya kezaliman terhadap golongan lemah seperti wanita, kanak-kanak, orang-orang tua walaupun mereka orang bukan Islam.³³

Bahkan dalam sistem Negara Islam, manusia itu adalah sama dan berlaku bersikap adil dari segi kemanusiaan yang berasal dari satu usul asal iaitu dari keturunan Nabi Adam a.s tanpa mengira keturunan menurut kasta yang direkareka, warna kulit, bangsa dan budaya. Mereka hendaklah diberi hak yang sama sebagai rakyat dalam Negara Islam untuk mengecapi keadilan dan kesamarataan meskipun mereka bukan beragama Islam. Begitu juga, hak peribadi, harta benda, maruah mereka tetap dipelihara dan dijaga oleh Negara Islam selagi mana tidak menjelaskan kepentingan umat Islam dan penganutnya.³⁴

Islam juga memerintah kepada pemerintah Negara Islam agar membebaskan mereka jika menjadi tawanan. Ini kerana apabila mereka menjadi taraf kerakyatan *ahl al-dhimmah* bermakna mereka berada di bawah perlindungan Negara dan masyarakat Islam sekalipun menggunakan kekuatan ketenteraan, harta benda, tenaga dan sebagainya.³⁵

Betapa toleransinya agama Islam terhadap agama lain, Allah s.w.t tidak menurunkan wahyu kepada Rasulullah s.a.w mengenai perintah berperang kecuali setelah umat Islam dianiayai dan dizalimi oleh orang yang bukan Islam. Ini dapat dibuktikan melalui ayat 39 hingga 40 dalam surah al-Hajj.³⁶ Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

"Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai. Dan



Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuasa menolong mereka, (yaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampong halaman mereka tanpa alasan yang benar kecuali kerana mereka berkata “Tuhan kami hanyalah Allah.....”.

Ketika penubuhan kerajaan Islam Madinah, Rasulullah s.a.w telah menyiapkan piagam Madinah yang memberi kelonggaran kepada agama lain mengamalkan agama mereka dan mengakui harta benda mereka. Islam menganggap bahawa mereka adalah jiran selagi mana mereka melakukan kebaikan dan tidak menjelaskan keharmonian masyarakat.³⁷

Di samping itu juga, Rasulullah s.a.w menunjukkan sikap pemurah kepada orang yang bukan Islam dengan menghantar sejumlah wang iaitu sebanyak 500 dinar ke Mekkah melalui Abu Sufyan untuk diagihkan kepada fakir miskin penduduk Mekkah.³⁸

Sikap seumpama ini juga ditunjukkan oleh Khulafa' al-Rasyidin semasa zaman pemerintahan mereka. Sebagai contoh Saidina Abu Bakar memesan kepada Yazid bin Abu Sufyan yang mengepalai tentera ke Syam agar tidak mengganggu mereka yang melakukan ibadat di dalam biara atau rumah-rumah ibadat mereka. Ini menggambarkan bahawa Saidina Abu Bakar mengamalkan konsep keharmonian hubungan etnik dan agama.³⁹


Ketika Saidina Umar al-Khattab membuka kota Bait al-Maqdis, ketika sampai waktu solat, beliau tidak mengambil kesempatan untuk bersolat di dalam gereja di situ demi menjaga hubungan dan memberi jaminan bahawa gereja masih kekal di situ. Lantas beliau solat bersebelahan dengan gereja dan mendirikan masjid di situ.⁴⁰

Saidina Umar juga menunjukkan sikap toleransi dan pemurah kepada golongan fakir dari kalangan Nasrani. Beliau mengarahkan agar diberikan bantuan makanan kepada mereka melalui peruntukan Baitul Mal.⁴¹

Saidina Uthman ibn 'Affan juga mengambil sikap toleransi dalam mengadakan hubungan dengan orang bukan Islam. Beliau tidak memaksa mereka memeluk Islam. Ini selari dengan dasar-dasar yang diajar oleh agama Islam.⁴²

Antara gambaran yang menunjukkan sikap toleransi Islam terhadap golongan bukan Islam ialah perlantikan orang bukan Islam *ahl al-dhimmah* sebagai menteri dalam sesebuah kerajaan Islam. Pernah berlaku pada zaman Khalifah Abbasiyyah yang membenarkan untuk melantik orang bukan Islam dari kalangan *ahl al-dhimmah* memegang jawatan *wizarah al-tanfidh* (kementerian yang melaksanakan polisi kerajaan). Ramai di kalangan menteri di dalam Kerajaan Abbasiyyah terdiri dari kalangan *ahl al-dhimmah*. Hal ini tidak dibantah oleh mana-mana ulama pada zaman itu kecuali apabila mereka (*ahl al-dhimmah*) melampau dan bersikap kejam terhadap umat Islam. Menurut Dr Yusuf al-Qaradawi, tidak ada seorang ahli fiqh yang muktabar pun berpendapat






melarang mereka menduduki jawatan menteri dan seumpamanya dengan alasan tidak boleh melantik orang bukan Islam menjadi *wali* (teman rapat atau pemimpin) terhadap orang Islam kerana orang Islamlah yang melantik mereka ke jawatan ini berdasarkan ajaran mereka. Mereka adalah penguasa di dalam kementerian tetapi masih lagi berada di bawah kekuasaan umum umat Islam.⁴³

Dari penjelasan dan huraihan di atas menggambarkan bahawa aplikasi *Sadd al-Dharai'* dalam memelihara agama tidak menjelaskan asas keharmonian hubungan etnik. Ini kerana setiap agama perlu menghormati di antara satu sama lain dan mengamalkan syarat-syarat yang tidak menjelaskan prinsip dan kepercayaan masing-masing.

KESIMPULAN


Sadd al-Dharai' merupakan pendekatan yang dianggap perlu bagi memastikan kesucian akidah umat Islam dapat dipelihara. Namun ia tidak menghalang umat Islam menjalankan hubungan dengan orang bukan Islam selagimana ia tidak mengorbankan akidah mereka. Dengan mengamalkan syarat dan prinsip yang telah ditetapkan, umat Islam mampu mengadakan hubungan dengan bukan muslim serta memastikan hubungan tersebut berkembang secara sopan dan harmoni.

Pengabaian terhadap syarat dan prinsip yang ditetapkan, bukan sahaja hubungan dengan bukan Muslim dilarang bahkan larangan tersebut juga melibatkan hubungan dengan orang Islam yang tidak menjaga etika dan prinsip agama. Justeru, jika umat Islam tidak dapat menjaga diri mereka dari unsur-unsur yang boleh membawa mereka kepada kekufuran dan keruntuhan moral, maka sebaiknya hendaklah mencari jalan alternatif lain yang sesuai agar mereka tidak terkeluar dari landasan yang sebenarnya.



NOTA HUJUNG

- ¹ ‘Ilâl al-Fâsi (t.t). *Maqâsid al-Syari’ah al-Islâmiyyah*. T.T.P. Maktabah al-Wihdah al-‘Arabiyyah, h. 154-155.
- ² Jâd al-Haq ‘Ali Jâd al-Haq (1411H/1991M). *al-Fiqh al-Islami, Nasy’atuh wa Tatawwaruh*. Kaherah: Dâr al-Syabab, h. 173.
- ³ Fu’ad Ifram al-Bustani (t.t). *Munjid al-Tullab*. c. 15, Beirut: Dar al-Masyriq, h. 308 dan 310.
- ⁴ Ibn Manzur Muhammad ibn Mukrim (t.t). *Lisan al-‘Arab*. j. 3, ‘Abd Allah ‘Ali al-Kabir, Muhammad Ahmad Hasb Allah dan Hasyim Muhammad al-Syadhili (ed), Mesir: Dar al-Ma’arif, h. 1495-1496. Selain itu, (*dhara’ah*) membawa maksud melakukan perjalanan malam dan siang atau dengan maksud langkah yang luas dalam sesuatu perjalanan atau bermaksud mempunyai kekuatan dan kelapangan. (Sila lihat, Sa’di Abu Jayb (1408H/1988M) c. 2. *al-Qamus al-Fiqhi*. Damsyik: Dar al-Fikr, h. 135-136).
- ⁵ Ibn Manzur (t.t). *op. cit.* j. 3, h. 1498.
- ⁶ Muhammad Hisyam al-Burhani (1406 /1985M). *Sadd al-Dhara’i‘ fi al-Syari’ah al-Islâmiyyah*. Tesis M.A dikemukakan kepada Universiti Kaherah Mesir. Beirut: Matba’ah al-Rayhani, h. 52-54.
- ⁷ Ibn al-Qayyim Muhammad Abu Bakr (t.t), *I’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamin*, j. 3, Beirut: Dar al-Jil, h. 135.
- ⁸ Al-Burhani Muhammad Hisyam (1406H/1985M). *op. cit.*, h. 80.
- ⁹ Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi (t.t). *al-Jami’li Ahkam al-Qur’ân*. juz. 2, Kaherah: al-Hai’ah al-Misriyyah al-‘Ammah li al-Kitab, h. 57-58.
- ¹⁰ Ibrahim ibn Musa al-Syatibi (t.t). *al-Muwafaqât fi Usul al-Syari’ah*. j. 4, Muhammad ‘Abd Allah Darraz dan ‘Abd al-Salam Syafi Muhammad (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 144.
- ¹¹ al-Burhani (1406H / 1985M). *op. cit.* h. 80.
- ¹² Ahmad bin Idris al-Qarafi (t.t). *al-Furuq*. j.2, Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 42.
- ¹³ al-Burhani (1406H / 1985M), *op. cit.* h. 188 dan 195.
- ¹⁴ Seperti seseorang itu mencari harta yang halal. Dengan ini ia boleh menikmati makanan yang lazat dan berkhasiat. (*Ibid*, h. 204).
- ¹⁵ Seperti seseorang itu berusaha untuk melakukan kerosakan di kalangan manusia. Dengan ini, ia akan menimbulkan banyak fitnah. (*Ibid*, h. 205).
- ¹⁶ Seperti seseorang itu mencuri harta orang lain. Dengan ini, ia akan memberi sedekah kepada orang yang memerlukannya. (*Ibid*)
- ¹⁷ Untuk keterangan lanjut, sila lihat beberapa contoh yang akan disebut nanti di dalam kertas kerja ini.
- ¹⁸ Muhammad Hisyam al-Burhani (1406H/1985M). *op. cit.* h. 355.
- ¹⁹ *Ibid.* h. 356.
- ²⁰ *Ibid.* h. 411.



- ²¹ Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Azdi (1418H/1997M). *Sunan Abi Dawud*. 'Izzat 'Ubayd al-Du'as dan 'Adil al-Sayyid (ed), Bab Labs al-Syahrat, no. hadith 4031; Mansur 'Ali Nasif (t.t). *al-Taj al-Jami' li al-Usul*. j. 3, Kaherah: Maktabah 'Isa al-Halabi, h. 179).
- ²² al-Burhani (1406H/1985M). *op. cit.* h. 417.
- ²³ Abu 'Isa Muhammad b. 'Isa al-Tirmidhi (1350H / 1931M)), *Sahih al-Tirmidhi bi Syarh al-Imam Abi Bakr b. al-'Arabi al-Maliki*, Abwab al-Siyar, Bab Ma Jaa fi Karahiyah al-Muqam Bayn Azhur al-Musyrikin, no. hadith 1671.
- ²⁴ Muhammad Hisyam al-Burhani (1406H/1985M). *op. cit.* h. 258; Nazim Muhammad Sultan (1418H/1997M). *Qawa'id wa Fawa'id min al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar Ibn Hazm, c. 5, h.141.
- ²⁵ *Ibid.* h. 356.
- ²⁶ *Ibid.*, h. 527. 1996. Hani al-Mubarak dan Syawqi Abu Khalil. *al-Islam wa al-Tafahum wa al-Ta'ayus bayna al-Syu'ub*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, h. 20.
- ²⁷ Ibn Hazm (t.t). *al-Mahalli*. Damsyik: Munir al-Damsyiqi, j. 7, h. 346; Ibn Qudamah (t.t). *al-Mughni*. Kaherah: Matba'ah al-Imam, j. 9. h. 353.
- ²⁸ *Hani al-Mubarak dan Syawqi Abu Khalil* (1996),*op. cit.*, h.17.
- ²⁹ Ibrahim ibn Musa al-Syatibi (1414H/1994M). *al-Itisam*. Kaherah: Matba'ah al-Halabi, juz. 1, h. 63.
- ³⁰ *Ibid.* juz. 1, h. 64.
- ³¹ *Ibid.*
- ³² *Hani al-Mubarak dan Syawqi Abu Khalil*. 1996. h .27-28.
- ³³ *Ibid.* h.28.
- ³⁴ Abdul Hadi Awang. 2003. *Sistem pemerintahan negara Islam*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu, h. 81.
- ³⁵ *Ibid.* h. 190.
- ³⁶ *Hani al-Mubarak dan Syawqi Abu Khalil*. 1996. *op. cit.*, h.39.
- ³⁷ Ibn Hisyam. 1975. *Sirah li Ibn Hisyam*. Beirut: Dar al-Jayl. j. 2, h.106.
- ³⁸ *Hani al-Mubarak dan Syawqi Abu Khalil*. 1996. *op. cit.*, h.59-60.
- ³⁹ *Ibid.* h.67-68.
- ⁴⁰ *Ibid.* h.71.
- ⁴¹ *Ibid.* h.71.
- ⁴² *Ibid.* h. 72.
- ⁴³ Yusuf al-Qaradawi. 1998. *Min Fiqh al-Dawlah Fi al-Islam*. (terj). Juanda Hj. Jaya). Selangor: Maktabah al-Qardhawi, h. 333-334.